

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976.

[]

BAHAWASANYA adalah suaimanfaat bagi maksud memastikan keseragaman undang-undang dan dasar untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976:

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut peruntukan-peruntukan Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan, MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1991. Tajuk ringkas.

2. Seksyen 107 Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah dipinda— Pindaan seksyen 107. Akta 171

(a) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (1A) yang berikut:

"(1A) Mana-mana lesen atau permit yang diberikan di bawah Akta ini boleh dikeluarkan bersesama dengan mana-mana lesen atau permit lain.";

- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (2), subseksyen baru (2A) yang berikut:

"(2A) Pembatalan mana-mana lesen atau permit tertentu yang dikeluarkan bersesama dengan mana-mana lesen atau permit lain di bawah, subseksyen (1A) tidak akan menyentuh keesahan mana-mana lesen atau permit -lain yang telah dikeluarkan bersesama dengannya.";

- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "dua belas bulan" dalam subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan "tiga tahun"; dan
- (d) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (6), subseksyen baru (7) dan (8) seperti yang berikut:

"(7) Bagi maksud subseksyen (5) atau (6) apa-apa sebutan mengenai perkataan "lesen" hendaklah termasuk salinan sahnya yang diperakui.

(8) Pemerakuan mana-mana lesen sebagai suatu salinan yang sah hendaklah dibuat oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Yang Dipertua secara bertulis."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 107 Akta yang sama dengan memasukkan subseksyen baru (1A), (2A), (7) dan (8).

Subseksyen (1A) bertujuan membenarkan mana-mana lesen atau permit yang diberikan di bawah Akta dikeluarkan bersesama dengan mana-mana lesen atau permit lain. Ini amat berguna bagi peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur yang mungkin memohon lebih daripada satu lesen atau permit untuk membolehkan mereka menjalankan perniagaan. Ini akan menggalakkan perkembangan apa-apa perniagaan, pekerjaan, pelaburan dan pembangunan di dalam negara.

Subseksyen (1A) memperuntukkan bahawa pembatalan mana-mana lesen atau permit tertentu yang dikeluarkan bersesama dengan mana-mana lesen atau permit lain di bawah subseksyen (1A) tidak akan menyentuh keesahan mana-mana lesen atau permit lain yang telah dikeluarkan bersesama dengannya.

Subseksyen (4) yang sedia ada telah dipinda untuk melanjutkan keesahan suatu lesen daripada suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan kepada suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Subseksyen (7) telah dimasukkan untuk mengadakan peruntukan supaya salinan sah yang diperakui bagi lesen itu digunakan bagi maksud subseksyen (5) atau (6) Akta itu.

Subseksyen (8) bertujuan mengadakan peruntukan bagi pemerakuan mana-mana lesen sebagai suatu salinan sah oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Yang Dipertua secara bertulis.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1491/1.]